

11 PR 26-05 00164 RA020

AAR

Mahathir - Demokrasi

SEREMBAN, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa ada kumpulan +separa politik+ di negara ini yang bertindak sebagai agen negara barat untuk memesonakan pemikiran rakyat mengenai tafsiran demokrasi.

Perdana Menteri berkata, sebahagian daripada golongan aktivis minoriti itu mendapat pembiayaan dari negara luar dan kerajaan mengetahui siapa mereka ini.

+Orang semacam ini akan memusnahkan demokrasi,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat Wawasan 2020 di Dewan Majlis Perhandaran Seremban di sini petang ini.

+Kita tidak hendak demokrasi ala barat... demokrasi yang terlalu bebas dan mengutamakan kebebasan individu... kita mahu demokrasi yang mengutamakan kepentingan masyarakat dan kepentingan majoriti,+ katanya.

Sungguhpun begitu kerajaan tidak membelakangkan kepentingan minoriti di negara ini tetapi mereka janganlah pula hendak menguasai keadaan dalam negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kumpulan itu ialah +separa politik+ kerana ia terlalu takut untuk melibatkan diri secara langsung dalam politik disebabkan penolakan oleh majoriti rakyat. -- Lagi.

♥26/05/18-43MST

11 GR 26-05 00151 RR120

Aah

Mahathir - Demokrasi 2 Seremban

+Mereka ini menjadi agen negara barat seolah-olah mereka masih dikongkong+.

+Mereka masih berfikiran sebagai bangsa yang dijajah, dan bertindak seperti burung tiang apa sahaja yang diucap oleh negara barat (mentor mereka), mereka tanpa memikir akan mengulangnya,+

Ketika ditanya sama ada agen yang beliau maksudkan itu adalah agen sebenar atau hanya kumpulan yang terpengaruh dengan fahaman barat beliau berkata, +ada yang agen, sebetulnya yang memangipun mendapat pembiayaan dari luar negeri dan kita tahu siapa mereka ini+.

+Saya tak hendak sebut (siapa mereka), ada pula yang macam burung kakak tua, mereka cuma mengulangi apa yang diperkatakan oleh mentor mereka di luar negeri,+ tambahnya.

+Jika kita benarkan mereka bermaharajalela dengan segala saranan mereka, tanpa kita memberikan pendapat yang lebih bernas, mereka akan berjaya merosakkan negara kita, sebab itu kita harus dedahkan mereka,+ tegas beliau. -- Lagi

♥26/05/19-09MST

Aah

Mahathir - Demokrasi 3 Seremban

Kumpulan ini sangat berbahaya kerana mereka memberikan maklumat yang tidak herasas supaya Malaysia dapat diburuk-burukkan oleh orang asing dan oleh itu ekonomi negara akan terjejas.

Ta menjalankan kegiatan itu dengan menggunakan media asing dan pengaruh negara-negara lain yang cuba menekan Malaysia.

+Impamanya mereka sering berkata negara kita tidak stabil dan dengan itu pelabur tidak akan datang ke sini... kalau pelabur tidak datang... perniagaan tidak akan tumbuh dengan pesat dan akhirnya negara tidak akan maju, + katanya

Kumpulan ini akan cuba +memancing di air keruh+ apabila negara menghadapi masalah-masalah yang timbul jika Malaysia tidak maju.

Apabila ditanya samada kumpulan itu telah berjaya mempengaruhi sebahagian besar rakyat negara ini, Perdana Menteri berkata, +tidak sebahagian besar tetapi ada juga yang terpengaruh.+

Kerajaan akan terus mendedahkan kegiatan kumpulan ini dan memberi penerangan yang jelas kepada rakyat mengenai sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Majlis taklimat itu dihadiri oleh para pegawai kerajaan, pemimpin politik dan pemimpin masyarakat tempatan. -- Bernama

♥26/05/19-49MST

CNS8831

Aah

Mahathir - Demokrasi 4 Seremban (sambungan herita terdahulu)

Dalam taklimatnya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi mencapai matlamat wawasan 2020, rakyat hendaklah memahami bentuk demokrasi yang diamalkan di negara ini supaya keadaan negara stabil.

Sekalipun mereka boleh menukarkan pemimpin, rakyat hendaklah menggunakan hak itu secara teratur pada masa pilihan raya dan tidak dengan cara kekerasan seperti membunuh sebagaimana berlaku di India baru-baru ini.

Katanya, negara yang membenarkan rakyat memilih pemimpin mereka sendiri melalui proses demokrasi merupakan sebuah negara yang sihat.

Beliau juga berkata interpretasi Barat mengenai demokrasi tidak semestinya boleh diterima di negara ini kerana tafsiran mereka kehanyakannya berbentuk +extreme+ yang mementingkan kebebasan individu daripada masyarakat.

Ada negara yang membenarkan lelaki dan wanita berkahwin dengan kaum sejenis, bebas menayangkan filem lucu di panggung wayang dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berusia 12 tahun ke atas dibenarkan tidur bersama. -- Bernama

♥26/05/20-51MST